

17 AUG 1996
Pahang-Desa
DESA WAWASAN DI SETIAP DUN PAHANG

KUANTAN, 17 Ogos (Bernama) -- Kerajaan Pahang akan melaksanakan projek Gerakan Desa Wawasan di kesemua 38 Dewan Undangan Negerinya selaras hasrat kerajaan pusat agar masyarakat kampung tidak ketinggalan apabila Malaysia muncul negara maju.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar dan Pusat Pertumbuhan Desa Datuk Omar Othman hari ini berkata, kampung yang dipilih bagi pelaksanaan projek itu akan dipastikan mempunyai semua kemudahan asas termasuk elektrik dan air.

Penduduknya pula akan dibimbing supaya membabitkan diri dalam kegiatan ekonomi termasuk industri kecil dan antara langkah yang diambil bagi memastikan kejayaan projek itu ialah dengan meminta semua jentera kerajaan, termasuk Kemas, supaya bergerak lebih aktif, katanya kepada pemberita di sini.

Beliau berkata, taklimat khas mengenai Gerakan Desa Wawasan itu disampaikan oleh wakil Kementerian Pembangunan Luar Bandar kepada kesemua Anggota Dewan Undangan Negeri Pahang dan pegawai-pegawai daerah di sini baru-baru ini.

Gerakan Desa Wawasan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 4 Julai lepas dengan matlamat menjadikan kampung lebih maju, menarik dan menguntungkan sejajar dengan falsafah pembangunan luar bandar.

Omar berkata aspek-aspek seperti perkembangan sosial, pembangunan insan dan peningkatan ekonomi diberikan penekanan dengan harapan Desa Wawasan akan menja dirangsangan kepada kampung-kampung lain untuk turut menjadi maju.

Katanya, masyarakat desa perlu mengubah cara mereka berfikir dan bekerja selari dengan angin perubahan pesat yang sedang melanda negara.

Beliau berharap melalui program itu, penduduk luar bandar tidak lagi tercicir dari arus pembangunan ataupun masih berada di bawah paras kemiskinan.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar memilih kira-kira 3,000 buah kampung di seluruh negara untuk menyertai program itu di mana jentera pelaksanaannya akan tertumpu kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK).

-- BERNAMA

ROS AHH